

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE  
BIN HAJI APDAL [ SEMPORNA ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL  
[ SEMPORNA ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mengekalkan inisiatif Flysiswa ini sebagai inisiatif tahunan dan berterusan Kementerian berbanding inisiatif yang bersifat *one-off* ataupun bersifat 'pengumuman'; dan
- (b) usaha dan langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan para penumpang sentiasa diutamakan di samping mempertingkatkan kualiti perkhidmatan penerbangan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FlySiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Bantuan subsidi ini dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan tempatan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman, terutamanya mereka yang tiada pilihan mod pengangkutan selain penerbangan. Pelaksanaan inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat 52,030 mahasiswa.
4. Untuk tahun 2025, subsidi tiket penerbangan termasuk inisiatif FlySiswa dan subsidi tiket musim perayaan telah dimasukkan ke dalam Belanjawan 2025 dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM 48 juta.

## **NO SOALAN : 1**

5. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah mahasiswa yang layak mendapat bantuan FLYsiswa pada tahun 2024, 42.7% (22,226) adalah berasal dari Sabah manakala 36.8% (19,171) berasal dari Sarawak. Di kalangan mahasiswa yang berasal dari Sabah, 17,388 sedang belajar di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti, matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di Semenanjung Malaysia, 3,433 di Sarawak dan 1,405 di Wilayah Persekutuan Labuan. Untuk mahasiswa yang berasal dari Sarawak pula, 16,027 sedang belajar di Semenanjung, 2,716 di Sabah dan 428 di Wilayah Persekutuan Labuan. Setakat 4 November 2024, sebanyak 35,183 daripada 52,030 mahasiswa yang layak atau 68% telah menebus baucar FlySiswa.

6. Dalam hubungan ini, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 3 September 2024 antara lain telah bersetuju supaya inisiatif FLYsiswa yang diluluskan di bawah inisiatif Belanjawan 2024 dijadikan inisiatif tahunan Kementerian Pengangkutan (MOT). Keputusan Jemaah Menteri mencerminkan tekad Kerajaan untuk mengukuhkan integrasi wilayah antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan memupuk perpaduan kebangsaan selari dengan semangat Persekutuan Malaysia.

7. Berkenaan keselamatan penumpang penerbangan, Kementerian melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) sentiasa memastikan pihak yang terlibat dalam industri penerbangan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh International Civil Aviation Organization (ICAO) bagi memastikan keselamatan para penumpang sentiasa diutamakan. Ia meliputi pelbagai langkah keselamatan berkaitan dengan lapangan terbang, operasi pesawat, penumpang, kargo, bagasi, dan kakitangan.

**NO SOALAN : 1**

8. Setiap tahun CAAM akan menjalankan audit ke atas ibu pejabat pengendali udara bagi memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh CAAM dan ICAO. Di samping itu, pihak CAAM juga melakukan audit keselamatan secara berkala dan secara rawak untuk menilai dan menambah baik semua aspek keselamatan mengikut Peraturan dan *Directives* yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.